

PEKAKA RIMBA
Oriental Dwarf/
Black-backed Kingfisher

FAMILI: Alcedinidae
NAMA SAINTIFIK: *Ceyx erithacus*



CIRI-CIRI

Ia mempunyai bahagian badan berwarna kuning cerah manakala bahagian belakang dan sayap berwarna biru gelap kehitaman. Terdapat tompok berwarna biru pada bahagian dahi dan belakang bahagian bulu penutup telinga. Paruhnya berwarna merah terang. Burung ini adalah di antara spesies pekaka yang terkecil

SAIZ

Panjang keseluruhan burung dewasa adalah di antara 12.5-14 sm.

MAKANAN

Ikan-ikan kecil, ketam, cicak dan juga serangga.

HABITAT

Burung ini boleh dijumpai di kawasan anak sungai dan kolam di hutan hujan tropika dan kadang-kadang di taman dan kawasan paya sehingga ke ketinggian 915 m dari paras laut.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi yang nyaring terutamanya semasa terbang. Kadang kala ia mengeluarkan bunyi *tit-sreet* dan *tit-tit*.

PEMBIAKAN

Burung ini membiak di antara bulan April-Ogos dengan bilangan telur di antara 2- 7 biji.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.